

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIANG TECK MENG  
(SIMPANG RENGGAM)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN LIANG TECK MENG [ SIMPANG RENGGAM ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan selain daripada nombor siri pada resit, apakah langkah yang dilaksanakan Kementerian dalam memastikan pengguna dapat mengenal pasti premis yang berdaftar dengan GST dan berhak untuk mengenakan cukai ke atas pengguna.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Seksyen 33, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 memperuntukkan semua peniaga yang berdaftar perlu mengeluarkan invois cukai atau resit yang

mengandungi butiran yang ditetapkan, antaranya nama syarikat, nombor pendaftaran GST, harga barang tanpa GST, amaun GST yang dikenakan dan harga keseluruhan barang termasuk GST. Bagi membolehkan pengguna mengenal pasti premis yang berdaftar dengan GST dan berhak untuk mengenakan cukai ke atas pengguna, pengguna boleh menyemak status pendaftaran peniaga dengan melayari portal [gst.customs.gov.my](http://gst.customs.gov.my) pada pautan *Taxpayer Access Point (TAP)*. Melalui pautan ini orang ramai boleh menyemak senarai perniagaan berdaftar dengan tiga cara sama ada menggunakan nombor ID GST atau no. pendaftaran perniagaan atau nama perniagaan. Orang ramai juga boleh menyemak sama ada sesuatu perniagaan itu berdaftar melalui panggilan telefon ke hotline GST 1-30-888-500.

**SOALAN ( 117 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. DATUK LIANG TECK MENG  
[ SIMPANG RENGGAM ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DATUK LIANG TECK MENG [ SIMPANG RENGGAM ] minta  
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN menyatakan bagaimanakah pihak Kementerian  
memastikan agihan subsidi dalam Skim My Home ini dapat dilakukan  
secara adil dan bertepatan kepada sasaran yang betul bagi mengelakkan  
masalah seperti kronisme dan pihak yang tidak layak juga dapat memiliki  
skim ini.**


## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim *MyHome* ini melibatkan permohonan daripada pihak pemaju dan pembeli. Kedua-dua permohonan ini adalah secara terbuka, telus dan tertakluk kepada syarat dan kriteria yang telah ditetapkan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mempunyai dasar pemilihan yang ketat dalam pemilihan pemberian subsidi RM30,000 ke atas pemohon Skim *MyHome*. Pemohon yang berkelayakan sahaja yang akan menerima subsidi *MyHome* tersebut setelah dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pemilihan Pembeli.

Sebelum meluluskan sesuatu permohonan pemaju untuk menyertai skim ini, Jawatankuasa Pemilihan Projek akan membuat pemilihan berdasarkan kriteria dan syarat yang telah ditetapkan.



Bagi proses pemilihan pembeli, pertama sekali pemohon perlu menyemak kelayakan mereka bagi menentukan kategori rumah *Myhome* yang pemohon layak di mana bagi Kategori Rumah *MyHome* 1, pendapatan bulanan isi rumah adalah antara RM3,000 hingga RM 4,000. Manakala bagi Kategori Rumah *MyHome* 2, pendapatan bulanan isi rumah adalah antara RM4,001 hingga RM RM6,000. Setelah menyemak status kelayakan, pemohon perlu mengisi borang permohonan Perumahan *MyHome* secara *online* di laman sesawang <http://myhome.kpkt.gov.my>. Sistem secara automatik akan mengenal pasti pemohon yang layak berdasarkan pendapatan yang telah ditetapkan. Mereka yang layak pada peringkat ini akan diangkat untuk pembeli yang dilaksanakan melalui penubuhan **Jawatankuasa Pemilihan Pembeli *MyHome*** yang terdiri daripada:

Pengerusi : Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan),  
JPN, KPKT

Ahli-ahli : Wakil Kementerian Kewangan  
Wakil Kerajaan Negeri / Lembaga Perumahan yang berkaitan / Wakil Pejabat Pembangunan Negeri berkaitan  
Wakil Bahagian Dasar, KPKT  
Wakil pemaju perumahan berkaitan

Urusetia : Unit *MyHome*, JPN


**Sekiranya permohonan lulus, Surat Tawaran & Surat Setuju Terima akan dikeluarkan untuk membolehkan Pemohon mendapatkan pемbiayaan daripada institusi kewangan sebelum mereka menandatangani Perjanjian Jual Beli Rumah tersebut. Namun begitu, sekiranya pemohon gagal di peringkat Jawatankuasa Pemilihan Pembeli *MyHome*, pemohon boleh mengemukakan rayuan kepada Jawatankuasa Rayuan Pembeli Skim *MyHome* untuk permohonan dipertimbangkan semula. Jawatankuasa Rayuan pembeli Skim *MyHome* ini terdiri daripada:**


Pengerusi : Ketua Setiausaha, KPKT

Ahli-ahli : Wakil Bahagian Dasar, KPKT  
Wakil Kerajaan Negeri / Lembaga Perumahan  
yang berkaitan/ Wakil Pejabat Pembangunan  
Negeri berkaitan

Urusetia : Unit MyHome, JPN

Bagi proses pemilihan projek, Kementerian akan menyemak permohonan termasuk mengadakan lawatan tapak cadangan projek setelah menerima permohonan pemajuan projek *MyHome* dari syarikat pemaju sebelum diangkat ke Jawatankuasa Pemilihan Projek Skim *MyHome*. Kelulusan bersyarat akan diberikan kepada pemaju yang menepati syarat dan kriteria yang telah ditetapkan. Jawatankuasa Pemilihan Projek Skim *MyHome* dianggotai oleh :





Pengerusi : Ketua Pengarah JPN, KPKT

Ahli-ahli : Wakil Kementerian Kewangan  
Wakil Unit Perancang Ekonomi, JPM  
Wakil Kerajaan Negeri / Lembaga Perumahan yang berkaitan / Wakil Pejabat Pembangunan Negeri berkaitan  
Wakil Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek, KPKT

Urusetia : Unit *MyHome*, JPN

Selepas pemaju mendapat Kelulusan Bersyarat, pemaju masih tertakluk kepada semua syarat dan keperluan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri / Pihak Berkuasa Tempatan / Pejabat Tanah serta perlu mendapatkan Kelulusan Pihak Berkuasa Negeri / Pihak Berkuasa Tempatan / Pejabat Tanah sebelum mengemukakan permohonan Lesen Pemajuan Perumahan dan membuka Akaun Pemajuan Perumahan (HDA).

Setelah selesai permohonan lesen dan membuka akaun HDA pemaju adalah tertakluk untuk menandatangani perjanjian dengan pihak Kementerian sebelum Bayaran insentif RM30,000 seunit rumah boleh dibuat.

Namun begitu sekiranya pemaju gagal di peringkat Jawatankuasa Pemilihan Projek Skim *Myhome*, pemaju boleh mengemukakan rayuan kepada **Jawatankuasa Rayuan Projek Skim *Myhome*** dipertimbangkan semula. Jawatankuasa Rayuan Projek Skim *MyHome* ini terdiri daripada:

Pengerusi : Ketua Setiausaha, KPKT

Ahli-ahli : Wakil Kementerian Kewangan

Wakil Unit Perancang Ekonomi, JPM

Wakil Kerajaan Negeri / Lembaga Perumahan yang berkaitan / Wakil Pejabat Pembangunan Negeri berkaitan

Wakil Dasar dan Inspektorat, KPKT

Urusetia : Unit *MyHome*, JPN

Dalam hubungan ini, semua proses pemilihan pembeli dan pemilihan projek adalah telus. Hanya mereka yang benar-benar layak sahaja akan dipertimbangkan untuk kelulusan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2015